



BULETIN
UTHM

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Bil.4 April 2022 | ISSN 2232-0415



UTHM kenal pasti 25 tapak sejarah dan budaya, berpotensi sebagai aset warisan Batu Pahat

ISSN 2232-0415



9 772232 041007

EXCELLENT



UTHM Johor



subscribe

UTHM TV



Global Technopreneur
University 2030



ISI KANDUNGAN

- 1 UTHM kenal pasti 25 tapak sejarah dan budaya, berpotensi sebagai aset warisan Batu Pahat
- 3 Pelajar B40 UTHM terima sumbangan komputer riba
- 4 UTHM-KTMB jalin kerjasama dalam teknologi data raya bagi sistem elektrifikasi tren
- 5 Noor Syuhada Abdul Manaf alumni pertama FTK mendaftar sebagai Jurutera Berijazah
- 6 Dr. Air ke Sabah bantu penduduk Tawau dapat bekalan air bersih
- 8 Sukarelawan FAST santuni asnaf dan komuniti Parit Jawa, Muar
- 10 16 penuntut FPTV bantu selenggara sistem penyaman udara masjid dan surau
- 11 Pelajar UTHM prihatin, derma darah di bulan Ramadan
- 12 Prihatin dengan golongan B40, KKDK sumbang 300 pek makanan
- 14 Terbitan Terkini

REDAKSI

PENASIHAT

Prof. Madya Ts. Dr. Raja Zuraidah Raja Mohd Rasi

EDITOR

Nor Azezee Ahmad

PENYELARAS / WARTAWAN

Suriyati Baharom

FOTOGRAFI

Mohd Faiz Abd Razak
Jaafar Muhammad

GRAFIK

Mohd Arshad Mohd Lokoman

PENERBIT

Pejabat Pemasaran dan Komunikasi Korporat

PENGUMUMAN:

Redaksi BULETIN UTHM mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Fakulti/Pejabat/Pusat/Unit dan individu-individu yang telah menghantar sumbangan penerbitan BULETIN UTHM ini. Redaksi mengalu-alukan berita dari semua pihak untuk keluaran BULETIN UTHM yang akan datang. Sumbangan rencana dan berita boleh dihantar kepada:

PENYELARAS BULETIN UTHM

Jabatan Komunikasi Korporat
Pejabat Pemasaran dan Komunikasi Korporat
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Tel: +607-453 3457

Emel: korporat@uthm.edu.my





Bangunan Kelab Jepun Lama (1925) merupakan sebuah bangunan tiga tingkat dengan 15 unit rumah kedai dan struktur gazebo di atas bumbung yang menjadi mercu tanda penting kepada pelayar Sg. Batu Pahat bahawa mereka telah mendekati kawasan Bandar Penggaram.

Sumber: Indera Syahrul Mat Radzuan (2022)

UTHM kenal pasti 25 tapak sejarah dan budaya, berpotensi sebagai aset warisan Batu Pahat

BATU PAHAT, 23 Apr 2022 – Pasukan Penyelidik Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) yang diketuai Dr. Indera Syahrul Mat Radzuan berjaya mengenal pasti 25 tapak sejarah dan budaya yang berpotensi sebagai aset warisan dan penanda tempat bagi program Jejak Warisan di Batu Pahat, Johor.

Penemuan itu hasil pelaksanaan projek “Kajian Potensi Pembangunan Kawasan Jejak Warisan (*Heritage Trail*) di Bandar Penggaram, Batu Pahat, Johor” di bawah geran yang

diperuntukkan bagi Program Impak Sosial Masyarakat (PRISM), melalui inisiatif Pejabat Hubungan Industri dan Masyarakat, UTHM.

Menurut Dr. Indera, Batu Pahat masih belum mempunyai profil pemetaan kawasan jejak warisan (*heritage trail*) yang komprehensif sepertimana yang terdapat di bandar-bandar bersejarah lain di Malaysia.

“Dengan pengenalpastian 25 tapak-tapak sejarah dan budaya ini, projek berorientasikan masyarakat ini telah berjaya mendokumentasi

dan memprofil setiap aset-aset sejarah tersebut melalui penghasilan peta kawasan jejak warisan yang mengandungi diskripsi bagi setiap tapak dengan lingkungan radius 15 kilometer dari pusat bandar,” katanya.

Titik pertama Jejak Warisan Batu Pahat ini bermula dari bangunan Kelab Jepun Lama yang didirikan pada 1925, iaitu sebuah bangunan tiga tingkat yang menjadi mercu tanda paling ikonik bagi Bandar Penggaram sebagai sebuah bandar pelabuhan.



Imej peta dengan plot penanda tempat (*heritage markers*) serta logo program Jejak Warisan Batu Pahat yang dicipta oleh penyelidik UTHM

Antara tapak-tapak lain yang tersenarai termasuklah rumah-rumah ibadat, deretan rumah kedai, pasar, bangunan milik kerajaan dan swasta, sekolah, monumen, rumah api sehinggalah kepada bangunan tinggalan (*relic*).

Titik ke-25 yang merupakan plot terakhir Jejak Warisan Batu Pahat ini ialah Perigi Batu Pahat yang merupakan sebuah tinggalan perigi batu purba yang dipahat oleh tentera Siam setelah tewas dalam peperangan menyerang Melaka semasa pemerintahan Sultan Mansur Shah I (1446-1459).

Perigi yang berusia lebih lapan abad itu dinamakan sebagai Perigi Batu Pahat, sekali gus merupakan peninggalan sejarah tertua yang masih wujud di kuala Sungai Batu Pahat.

Tambah Dr. Indera, kajian yang bermula pada Julai 2021 ini mengambil masa kira-kira sembilan bulan untuk disiapkan.

“Idea projek ini pada mulanya telah dicetuskan oleh pasukan gerak kerja yang dikenali sebagai Edutourism@ UTHM yang telah dibentuk di peringkat universiti sejak tahun 2020.

“Pasukan kajian ini dianggotai oleh sembilan penyelidik iaitu Prof. Madya Ts. Dr. Seow Ta Wee, Prof. Madya Dr.

Md Asrul Nasid Masrom, Prof. Madya Ts. Gs. Dr. Sulzakimin Mohamed, Dr. Chandrashekar A/L Ramasamy, Sr. Zarina Shamsudin dan Sr. Masfaliza Mohsen dari Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan, Ts. Dr. Yusmarwati Yusof, Mohd Akmal Rohiat dan Raden Mohd Farhan Helmy Raden Ismail dari Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional serta seorang penyelidik dari Fakulti Senibina, Perancangan dan Ukur, Universiti Teknologi MARA, Dr. Nor Hisham Md Saman dan dibantu oleh pembantu kerja lapangan (PKL), Mohammad Faris Salihin Md Noor,” katanya.

Sebelum itu, beberapa siri mesyuarat kumpulan fokus (FGD) secara maya telah diadakan bersama pelbagai pihak berkepentingan termasuk pihak berkuasa tempatan (PBT), agensi di peringkat persekutuan, negeri dan daerah, pihak swasta, NGO serta wakil komuniti bagi mendapatkan pandangan mereka terhadap potensi Bandar Batu Pahat yang juga dikenali sebagai “Bandar Penggaram” sebagai kawasan yang unik daripada aspek ekonomi, sosio-budaya dan alam sekitar.

“Antara pihak yang terlibat memberi input dalam kajian ini termasuklah Majlis Perbandaran Batu Pahat (MPBP), Pejabat Daerah Batu Pahat, Persatuan Sejarah Malaysia Kawasan

Batu Pahat, Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor, Tourism Johor, Pertubuhan ICOMOS Malaysia, Think City, Majlis Pemandu-pemandu Pelancong Malaysia (MTGC), Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) serta sekolah-sekolah terpilih di sekitar Bandar Penggaram.

“Kajian ini juga telah berjaya mewujudkan satu struktur kerjasama yang lebih kukuh khususnya di antara universiti dengan pihak-pihak berkepentingan.

“Selain itu, projek ini juga mengguna pakai kuasa libat urus komuniti yang mana setiap pihak berkepentingan dilibatkan dalam proses kajian,” katanya lagi.

Satu laman web khas juga telah dibangunkan oleh Dr. Indera bagi merekodkan semua maklumat berkaitan tapak-tapak sejarah dan budaya di Bandar Penggaram dengan tujuan untuk merangsang inovasi baharu dalam bidang pelancongan, sejarah, warisan dan budaya tempatan melalui perkongsian maklumat berasaskan teknologi ICT.

Pengenalpastian aset-aset warisan yang terhasil daripada kajian ini adalah merupakan manifestasi sejarah yang harus dipertahankan melalui pengemblengan usaha secara bersepadu antara pelbagai pihak termasuklah universiti, agensi kerajaan, swasta, badan bukan kerajaan (NGO) dan komuniti setempat.

Pelajar B40 UTHM terima sumbangan komputer riba



BATU PAHAT, 26 April 2022 – Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) menerusi Pejabat Hal Ehwal Pelajar dalam proses mengagihkan bantuan komputer riba kepada pelajar bersasar dalam kalangan B40 bagi tahun 2021/2021 secara berperingkat.

Serahan bantuan kebajikan ini melibatkan 100 unit komputer riba sumbangan daripada dana UTHM yang terkumpul.

Keseluruhan nilai bagi bantuan komputer riba adalah sebanyak RM 199,500.00.

Sesi serahan komputer riba melibatkan 22 pelajar bagi Fasa 1 telah disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Profesor Dr. Ts. Dr. Lokman Hakim Ismail.

Turut hadir, Pengarah Pejabat Hal Ehwal Pelajar (PHEP), Haszrinaz Husain @ Hashim serta Majlis Perwakilan Pelajar (MPP).

Selain komputer riba, para pelajar berkenaan turut menerima sumbangan makanan kering daripada Food Bank Siswa UTHM.

Sementara itu, Prof. Lokman juga mengucapkan tahniah kepada semua penerima.

“Semoga para pelajar tersebut tidak akan tercicir dan terus mendapat manfaat bagi tujuan pembelajaran sebagai motivasi untuk lebih cemerlang,” katanya.



UTHM-KTMB jalin kerjasama dalam teknologi data raya bagi sistem elektrifikasi tren



Universiti Tun Hussien Onn Malaysia (UTHM) dan Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) telah melancarkan teknologi data raya yang dibangunkan bagi sistem elektrifikasi tren secara maya pada 10 Mac 2022 lalu, disusuli dengan majlis penyerahan projek yang diadakan pada 13 April 2022.

Kerjasama penyelidikan ini berbentuk perkongsian kepakaran oleh kumpulan penyelidik UTHM bersama dengan KTMB yang telah dimeterai dalam perjanjian persefahaman pada 3 Ogos 2020 lalu yang diadakan secara tertutup.

Projek pembangunan aplikasi ini telah dijalankan sejak tahun 2019 oleh kumpulan penyelidik UTHM yang diketuai oleh Ts. Dr. Hairulazwan Hashim dari Pusat Kecemerlangan ICoE-Rel, bersama penyelidik dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan dan Pusat Pengajian Diploma.

Penyelidikan ini juga adalah hasil kolaborasi dengan syarikat Prestigious Discovery Sdn. Bhd. (PDSB) yang mempunyai kepakaran dalam sistem SCADA.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif KTMB, Mohd Rani Hisham Samsudin, KTMB sentiasa mengalu-alukan kerjasama strategik dengan pelbagai pihak termasuklah UTHM.

“Kerjasama ini mampu membantu kami mengorak langkah ke era digitalisasi dan ianya penting bagi sistem elektrifikasi perkhidmatan KTMB.

“Kita dapat menyaksikan satu produk yang dihasilkan berasaskan konsep *Big Data Analytics* yang mana data-data yang dijana melalui sistem SCADA digunakan khusus untuk pemantauan sistem elektrifikasi, dianalisa oleh sistem pengkomputeran dan menghasilkan *trends* dan *patterns*.

“Dengan ini ia dapat membantu jabatan elektrifikasi untuk membuat keputusan agar tindakan awal atau tindakan yang betul dapat diambil dengan segera dalam menjalankan kerja-kerja penyenggaraan,” katanya.

Sementara itu, Dr. Hairulazwan bersama pasukannya turut melahirkan hasrat untuk berusaha keras mengeksplorasi peluang penyelidikan dan inovasi (R&D)


yang baharu dengan sebahagian aktiviti penyelidikan dilaksanakan secara dalam talian mengikut kesesuaian skop projek.

Menurut beliau, walaupun aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) sedikit terjejas hasil evolusi norma baharu kesan daripada Covid-19 namun tidak bermakna aktiviti dan kerjasama antara universiti dan industri perlu dihentikan.

“Sebagai penyelidik, kami perlu aktif dalam membantu industri menginovasi sistem yang sedia ada mengikut kepakaran masing-masing sekali gus membantu menaikkan nama UTHM sebagai peneraju utama universiti awam dalam bidang pengangkutan rel,” katanya.



Noor Syuhada Abdul Manaf alumni pertama FTK mendaftar sebagai Jurutera Berijazah



Tahniah!

Alumni Pertama

program Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Awam (Perkhidmatan Bangunan) dengan Kepujian (BNB)

Noor Syuhada
binti Abdul Manaf

kerana telah berjaya mendaftar sebagai
Jurutera Berijazah (Graduate Engineer-GE)
Fakulti Teknologi Kejuruteraan
yang pertama di bawah
Lembaga Jurutera Malaysia (BEM)



Noor Syuhada Abdul Manaf menjadi alumni pertama program Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Awam (Perkhidmatan Bangunan) Dengan Kepujian (BNB) yang berjaya mendaftar sebagai Jurutera Berijazah (Graduate Engineer-GE) Fakulti Teknologi Kejuruteraan di bawah Lembaga Jurutera Malaysia (BEM).

Kejayaan Noor Syuhada mendaftarkan diri sebagai Jurutera Berijazah dibantu oleh mentornya Ir. Ts. Dr. Mohd Kamaruzaman Musa yang sentiasa memberi dorongan dan tunjuk ajar tanpa jemu.

Alumni BNB ini berjaya menamatkan pengajian Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan pada tahun 2016 sebelum meneruskan pengajiannya dalam bidang Sarjana Kejuruteraan Awam secara sepenuh masa selama satu tahun enam bulan.

Pendaftaran beliau telah disahkan oleh BEM pada 21 Oktober 2021 lalu dengan memenuhi semua syarat yang ditetapkan di bawah seksyen 10(2) *Registration of Engineers Act 1967 (Revised 2015)* dan *Registration of Engineers Regulations 1990 (Revised 2015)*.

Dekan FTK, Prof. Madya Ts. Dr. Jumadi Abdul Sukor mewakili fakulti turut mengucapkan tahniah kepada Noor Syuhada.

"Saya berharap kejayaan ini mampu menjadi inspirasi dan panduan kepada semua graduan bidang teknologi kejuruteraan khususnya untuk menjadi jurutera profesional yang berjaya satu hari kelak," katanya.

Dr. Air ke Sabah bantu penduduk Tawau dapat bekalan air bersih



Penduduk terpaksa menadah air hujan dengan tangki untuk keperluan harian

TAWAU – Pasukan Dr. Air dari Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) sekali lagi menyumbang kepakaran mereka bagi membantu penduduk di penempatan ladang daerah Tawau yang mengalami masalah mendapatkan bekalan air bersih.

Dr. Air bekerjasama dengan syarikat tempatan bagi menyediakan bekalan air bersih bertapis bagi menyelesaikan masalah yang sudah berlarutan selama lebih 30 tahun.

Menurut penduduk di penempatan terbabit, pihak ladang telah menggunakan lori tangki setiap hari bagi mengangkut air bersih untuk kegunaan harian.

Bagi menampung keperluan harian yang tinggi, penduduk juga terpaksa menggunakan air hujan serta turut mencatu air semasa musim kemarau.

Prihatin dengan masalah tersebut, pasukan Dr. Air membuktikan

kepakarannya dalam menapis air bawah tanah atau telaga tiub sebagai sumber air utama untuk keperluan harian penduduk.

Dengan menggunakan kaedah yang dibangunkan oleh dua penyelidik iaitu Prof. Madya Dr. Mohd Zainizan Sahdan dan Ts. Muhammad Erwan Zaki Mat Radzi, air yang asalnya keruh dan tidak sesuai diminum bertukar menjadi jernih dan berpiawai air mineral.

Pihak pengurusan ladang juga turut mencuba sendiri air dari penapis berkenaan dan sangat gembira dengan hasilnya.

Terdahulu, pasukan Dr. Air telah melindungi inovasi ini di bawah Akta Hakcipta Terpelihara UTHM.

Menurut Dr. Zainizan, teknologi penapisan ini tidak menggunakan pasir sebagaimana penapis biasa kerana untuk sumber air bawah tanah, penggunaan pasir sebagai bahan penapis akan



Perbezaan kualiti air sebelum dan selepas di tapis oleh penapis air Containerised Water Filtration System Ultra ©



Masalah air di salah satu penempatan ladang Sawit di Tawau selesai

menyebabkan keberkesanan penapisan air berkurangan.

“Selain sistem automatik, sistem penapisan air Dr. Air dilengkapi dengan sistem ultra dan ultraviolet (UV) bagi menghasilkan air yang berkualiti air mineral serta bebas kuman.

“Sistem ini juga mudah alih dan boleh dipindahkan ke kawasan lain bagi kegunaan sementara,” katanya.

Berikutan pasukan Dr. Air berjaya membuktikan keupayaannya untuk menapis air ke tahap kualiti air mineral, pihak Sawit Kinabalu telah memberikan lebih banyak tempat untuk dibangunkan dengan menggunakan teknologi penapisan air ultra tersebut.

Dengan menggunakan kaedah yang dibangunkan oleh dua penyelidik iaitu Prof. Madya Dr. Mohd Zainizan Sahdan dan Ts. Muhammad Erwan Zaki Mat Radzi, air yang asalnya keruh dan tidak sesuai diminum bertukar menjadi jernih dan berpiawaian air mineral.



Sukarelawan FAST santuni asnaf dan komuniti Parit Jawa, Muar



Penyampaian sumbangan oleh Prof. Madya Dr. Mohamad Zaky Noh, Dekan FAST diiringi Penghulu Mukim Parit Jawa, Tuan Mohd Afezan Yahya, Wakil Pelajar STC FAST dan MPP UTHM.

MUAR - Kelab Sains dan Teknologi (STC), Fakulti Sains Gunaan dan Teknologi, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) kampus cawangan Pagoh telah menjalinkan kerjasama bagi melaksanakan aktiviti kesukarelawanan dan kemanusiaan melibatkan golongan asnaf dan komuniti Mukim Parit Jawa, Muar, Johor.

Program dengan kerjasama Pentadbiran Mukim Parit Jawa, Yayasan Kemanusiaan Muslim Aid Malaysia dan Majlis Agama Islam Negeri Johor ini diadakan pada 16 April 2022 lalu bertempat di sekitar Mukim Parit Jawa.

UTHM menghantar 30 sukarelawan terdiri daripada pelajar STC dan pelajar pascasiswazah dari FAST, diiringi oleh Ts. Dr. Muhammad Abdul Latiff Abu Bakar selaku penasihat program dan penyelarar kesukarelawanan pelajar FAST; Ts. Dr. Suhadir Shamsuddin, Timbalan Dekan HEPA FAST; Ts. Dr. Suliadi Firdaus Sufahani, Ketua Jabatan Pemerkasaan Bakat Pelajar, Pusat Pembangunan Pelajar dan Prof. Madya Ts. Dr. Faridah bte Kormin,

Felo Perhubungan Masyarakat FAST.

Manakala kumpulan Mukim Parit Jawa pula diwakili oleh sukarelawan dari Pejabat Penghulu, Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Bukit Mor, Pertubuhan Wanita Pekebun Kecil (PWPK) RISDA dan wakil Laman Tani Kompleks Penghulu (Laman Tani).

Pada program tersebut, sukarelawan UTHM menyediakan 600 bungkus bubur lambuk di Kompleks Penghulu Mukim Parit Jawa untuk diedarkan kepada komuniti. Aktiviti ini sekali gus mampu mengeratkan hubungan dengan komuniti mukim terbabit kerana mereka berpeluang berkongsi ilmu pengetahuan dan kepakaran sesama sendiri.

Kos penyediaan tiga periuk bubur lambuk bagi program ini turut ditaja oleh pihak Yayasan Kemanusiaan Muslim Aid Malaysia.

Dekan FAST, Prof. Madya Dr. Mohamad Zaky Noh turut hadir

memberi sokongan kepada sukarelawan selain turut menyertai sesi Ziarah Ramadhan FAST ke rumah-rumah penerima sumbangan di sekitar Mukim Parit Jawa.

Beliau berkata interaksi seumpama ini adalah satu perkara yang amat positif dalam usaha untuk merapatkan jurang antara warga kampus dan komuniti, terutamanya setelah dua tahun universiti melaksanakan pembelajaran secara dalam talian.

"Program seperti ini mampu memupuk sikap kesukarelawanan, kebolehan bekerjasama dan berkomunikasi dengan efektif serta membina jati diri pelajar agar peduli dengan keperluan komuniti dan masyarakat yang memerlukan," katanya.

Dato' Haji Mustaffa Kamal Dato' Haji Shamsudin, Pegawai Daerah Muar, Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Kamarulzaki Mustafa, Provost UTHM Kampus Cawangan Pagoh, Wan Rosli Wan Muda, Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah



Tengku Zarith Hazlin Binti Tengku Zainal Abidin pelajar tahun 3 merangkap Pengerusi STC FAST mengambil bahagian memasak bubur lambuk bersama komuniti



Bubur lambuk yang telah siap dibungkus untuk diagihkan kepada komuniti di sekitar Mukim Parit Jawa, Muar.

Muslim Aid Malaysia dan Habsah Marjuni, Ketua Pegawai Operasi Muslim Aid Malaysia turut hadir bagi meraikan komuniti dan pelajar di kompleks tersebut.

Pada sesi ini juga, Muslim Aid Malaysia telah menyampaikan sumbangan 50 bakul barangan keperluan kepada penerima yang terdiri dari komuniti Mukim Parit Jawa.

Kemuncak program menyaksikan penyampaian sumbangan wang tunai dan barangan dapur oleh Tuan Mohamed Shahari Mohamed Yatim dari Majlis

Agama Islam Negeri Johor Daerah Muar kepada 15 penerima dari mukim tersebut.

Komuniti Parit Jawa yang diwakili penghulunya memberi maklum balas positif terhadap penganjuran program dan penglibatan pelajar FAST.

“Penglibatan dan komitmen yang ditonjolkan oleh penuntut fakulti ini menjadi satu penanda aras tinggi bagi penganjuran program akan datang,” katanya.



Penyampaian sumbangan daripada Wan Rosli Wan Muda dari Muslim Aid Malaysia sambil disaksikan Dato Haji Mustaffa Kamal Dato' Haji Shamsudin, Pegawai Daerah Muar, Prof Madya Ts. Dr. Mohd Kamarulzaki Mustafa, Provost UTHM Kampus Pagoh dan Tuan Mohd Afezan Yahya, Penghulu Mukim Parit Jawa.



Penyampaian sumbangan tunai dan barangan dapur oleh Tuan Mohd Afezan Yahya sambil disaksikan Tuan Mohamed Shahari (MAINJ)

16 penuntut FPTV bantu selenggara sistem penyaman udara masjid dan surau



BATU PAHAT- Seramai 16 sukarelawan dari Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (FPTV), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) menyertai Program Khidmat Masyarakat FPTV bersama penduduk Kampung Sungai Kajang sempena berlansungnya Program Mesra Rakyat Bagan anjuran Kementerian Pengajian Tinggi pada 1 April lalu.

Program yang disertai penuntut Sarjana Muda Teknologi Penyelidikan dan Penyaman Udara serta Sarjana Muda Pendidikan Vokasional (Penyelidikan dan Penyaman Udara) itu memfokuskan aktiviti menyelenggara sistem penyaman udara yang dipasang di masjid dan surau Kampung Sungai Kajang, Batu Pahat.

Turut serta dalam program tersebut, Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar FPTV, Prof. Madya

Ts. Dr. Azman Hasan; Ketua Jabatan Pendidikan Vokasional, Ts. Dr. Faizal Amin Nur Yunus; Ketua Jabatan Pengajian Teknologi, Ts. Dr. Mohd Bekri Rahim dan Ketua Program, Dr. Khairul Anuar Abdulrahman.

Dr. Mohd Bekri berkata selain memberi perkhidmatan tersebut, mereka juga turut memberi penerangan, bimbingan dan mempraktikkan secara 'live' kepada ahli jawatankuasa surau berkenaan berkaitan kaedah menyelenggara sistem penyaman udara.

"Kita mula lakukan penyelenggaraan seawal pukul 8.30 pagi, dimulai dengan taklimat program oleh Ketua Kampung Sungai Kajang dan seterusnya peserta dibahagikan kepada empat kumpulan bagi menjalankan tugas masing-masing.

"Hasil maklum balas yang diterima, sesi perkongsian kepakaran

yang diberikan oleh penuntut FPTV sangat bermanfaat kepada ahli jawatankuasa masjid selari dengan peranan UTHM sebagai universiti untuk masyarakat," katanya.

Sementara itu, Dr. Azman pula turut merakamkan ucapan terima kasih kepada kumpulan penyarah FPTV dari bidang Penyelidikan dan Penyaman Udara kerana bermurah hati menyumbangkan satu unit penyaman udara untuk dipasang di surau kampung berkenaan.



Pelajar UTHM prihatin, derma darah di bulan Ramadan



Prihatin dengan peningkatan penggunaan tabung darah di bulan Ramadan ini, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), melalui Exco Sukan, Rekreasi dan Kesihatan, Majlis Kepimpinan Pelajar (MKP), Kolej Kediaman Kampus Pagoh (KKKP) telah menganjurkan program derma darah bertempat di perkarangan kolej kediaman.

Program dengan kerjasama Hospital Pakar Sultanah Fatimah Muar telah dijalankan sebanyak dua kali sepanjang bulan Ramadan ini iaitu pada 18 dan 22 April 2022 bermula jam 9 malam hingga 11.30 malam.

Menurut penasihat program, Dr. Mohd Faisal Hushim program ini terbuka kepada semua pelajar dan penghuni KKKP.

la dilaksanakan sebagai salah satu inisiatif bagi membantu menambah stok tabung darah yang dijangka menurun pada

bulan Ramadan dan cuti perayaan nanti.

Tambah beliau, dengan menggunakan tema UTHM Prihatin, program ini telah mendapat sokongan yang menggalakkan daripada para pelajar.

“Hasilnya, program derma darah ini berjaya mengumpul lebih 100 beg darah”.

“Ini menunjukkan pelajar UTHM prihatin terhadap kepentingan menderma darah bagi membantu menyelamatkan nyawa pesakit,” katanya.

Demi membantu kelangsungan bekalan tabung darah negara, program ini akan dilakukan secara berkala dan akan dijadikan sebagai salah satu aktiviti tanggungjawab sosial korporat untuk masyarakat.

“Hasilnya, program derma darah ini berjaya mengumpul lebih 100 beg darah”.

“Ini menunjukkan pelajar UTHM prihatin terhadap kepentingan menderma darah bagi membantu menyelamatkan nyawa pesakit,”

Prihatin dengan golongan B40, KKDK sumbang 300 pek makanan



BATU PAHAT, 22 Apr 2022 – Kolej Kediaman Dalam Kampus (KKDK), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah menyumbang 300 pek makanan kepada penghuninya yang terdiri daripada golongan B40 melalui penganjuran program “Special Iftar For Ummah.”

Bantuan tersebut turut diberikan ketika berlangsungnya pelancaran awal program berkenaan yang telah disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Profesor Madya Sr Ts. Dr. Hj. Lokman Hakim Ismail bertempat di Dewan Aktiviti Kolej Kediaman Tun Fatimah, KKDK Parit Raja.

Program dengan kerjasama Yosh MyFundAction itu juga diselitkan dengan penganjuran Multaqa Nuzul Al-Quran yang dijayakan oleh Ustaz Muhammad Isa Salikin. Turut diadakan, aktiviti jual beli bazaar Ramadan bagi

memeriahkan lagi suasana serta penyampaian duit raya kepada 17 orang pelajar yang terdiri daripada golongan keluarga Asnaf.

Hadir sama, Pengarah Pusat Perumahan Pelajar, Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Halim Irwan Ibrahim; Pengarah Yosh MyFundAction, Siti Norain Abd Samad; Pengetua dan Timbalan Pengetua KKDK serta Majlis Kepimpinan Pelajar (MKP).

Dalam memastikan program bantuan ini dapat diteruskan dan berjalan dengan lancar, pihak KKDK Parit Raja selaku pengelola program amat mengalu-alukan sumbangan daripada semua pihak termasuk staf UTHM.

Sumbangan boleh dibuat melalui perbankan dalam talian dan penyumbang boleh mendapat pengecualian cukai.





IJAZAH SARJANA MUDA SAINS KOMPUTER (KEJURUTERAAN PERISIAN) DENGAN KEPUJIAN (BIP)

SYARAT KEMASUKAN AM

- ✓ Warganegara Malaysia
- ✓ Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)/ Setaraf dengan mendapat sekurang-kurangnya Gred C dalam mata pelajaran Bahasa Melayu atau Bahasa Melayu Kertas Julai;
- ✓ Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 2 (Band 2) dalam Malaysian University English Test (MUET).
- ✓ Calon TIDAK mempunyai ketidakupayaan anggota yang menyukarkan kerja amali.

KEMASUKAN ADALAH DARI LEPASAN :

- ✓ Matrikulasi
- ✓ Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM)/Setaraf
- ✓ Diploma/Setaraf

*Untuk maklumat lanjut berkenaan dengan syarat khas sila scan QR Code atau layari laman web FSKTM UTHM

UNTUK MAKLUMAT
LANJUT SILA IMBAS
QR CODE



SCAN ME



Fakulti Sains Komputer &
Teknologi Maklumat
Universiti Tun Hussein Onn
Malaysia,
86400, Parit Raja, Batu Pahat,
Johor, Malaysia



TEL.: +(607) 453 3601
FAX: +(607) 453 6023
<http://fsktm.uthm.edu.my/>

PROSPEK KERJAYA

Terdapat banyak peluang kerjaya apabila mengikuti bidang ini diantaranya adalah menjadi sebagai:



JURUTERA PERISIAN

JURUTERA SISTEM
MAKLUMAT

PEGAWAI SISTEM
MAKLUMAT

PENGATURCARA
KOMPUTER

PENGURUS SISTEM MAKLUMAT




KELEBIHAN PROGRAM INI

Memberikan manfaat kepada para pelajar dari segi pengembangan pengetahuan dalam bidang kejuruteraan perisian dan ia juga selaras dengan matlamat UTHM dalam melahirkan graduan yang berdaya saing dan memenuhi kehendak pasaran industri.



Terbitan Terkini




HOW MALAYSIAN NEWSPAPERS REPRODUCE ISLAMOPHOBIA

Mohd Nazri Latiff Azmi, Isyaku Hassan, Mohammad Talha Mohamed Idris

e-978-967-2817-70-3

RM 19.00

The media are blamed for using biased language to stigmatize Muslims. Many people believe that the media's negative portrayal of Islam is one of the most socially prevalent and significant sources of Islamophobia. This book explores how Islamophobia is reproduced in selected Malaysian newspapers from a framing perspective. Framing theory considers meaning as existing particularly in the media messages. It focuses on the influence of news viewpoints used by journalists on the audiences. The Star and New Straits Times were chosen for analysis. It was discovered that the newspapers tend to reproduce Islamophobia through the use of conflict frames, negative tone, use of photos, and sensational language. Further analysis showed that the western media's negative content influences how newspapers report Islam in Malaysia. Journalist's perception, corporate ownership of the media, editorial policies, government regulations, and lack of proper training amongst journalists influences news reporting of Islam. The spread of Islamophobia can be minimized through the collective effort of journalists, editors, corporate ownership of the media, and by being conflict-sensitive and restrictive to the actors.



THE CRISIS OF CLIMATE CHANGE : IMPACT ON CALAMITIES IN MALAYSIA

Siti Nazahiyah Rahmat, Nurul Nadrah Aqilah Tukimat

e-978-967-2817-69-7

RM 18.00

Climate change is emerging as a global phenomenon. Much research has been devoted to study the consequences on a wide range of human and environmental systems. In Malaysia, more intense and frequent extreme events are expected due to extreme climate change. The Crisis of Climate Change: Impact on Calamities in Malaysia offers an insightful look at climate variability, floods, and droughts despite no previous understanding of climate processes. It also presents a basic definition of weather calamities that can help general readers better understand the causes of climate variability and the consequences. The book contains four chapters related to climate change. It collects the latest information and findings of possible future climate based on case studies that have been carried out in some parts of Pahang and Johor, Malaysia. The impact of climate change on the implementation of rainwater harvesting (RWH) as one of the adaptation measures is also discussed. Future climate should be considered in the design and planning of the RWH system so that the system can sustainably meet stormwater management requirements. The most important thing is that the impacts of climate change need to be studied at the regional or local scale to improve planning and management for a climate-resilient future.

Terbitan Terkini



REVOLUSI INDUSTRI

Suhaizal Hashim, Nurhanim Saadah Abdullah, Usuloudin Hamzah

e- 978-967-2817-77-2

RM 19.00

Terhasilnya buku ini adalah atas hasrat untuk berkongsi sedikit pengetahuan mengenai revolusi industri terkini yang pesat berkembang mengikut peredaran masa. Sejar dengan kehendak pendidikan abad 21, atas kesedaran bahawa masih ramai lagi antara kita masih kurang cakna tentang proses yang sedang pesat berlangsung ini. Dengan adanya transformasi sebegini, proses pertumbuhan ekonomi menjadi lebih kuat dan menghasilkan tahap produksi lebih tinggi.

Buku ini disusun dalam beberapa bab meliputi beberapa topik dalam perkembangan Revolusi Industri di negara-negara maju dan tidak ketinggalan juga perkembangannya di Malaysia. Selain itu, pecahan dalam elemen-elemen revolusi industri ini juga telah dihuraikan untuk memudahkan lagi kefahaman pembaca dalam menghayati dan memahami proses-proses tersebut. Setiap elemen revolusi industri yang dibincangkan ini disertakan dengan sokongan beberapa kajian yang telah dijalankan serta contoh dari persepsi penulis sendiri untuk memudahkan kefahaman kepada pembaca.

